

Amir Abd Hamid
amir_hamid@hmetro.commy

Kuala Lumpur

Tiga lokasi di Sarawak mencatat Indeks Pencemaran Udara (IPU) sangat tidak sihat iaitu rekod tertinggi IPU, semalam berbanding 65 Stesen Pengawasan Udara Automatik lain seluruh negara.

Setakat jam 4 petang semalam, berdasarkan bacaan yang dipaparkan laman web <http://apims.doe.gov.my>, Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS) mendapati kawasan Samalajau IPU 242 diikuti Kuching dengan catatan IPU 224 dan Samarahan (IPU 201).

Sebanyak enam Stesen Pengawasan Udara Automatik di negeri itu turut menunjukkan IPU tidak sihat iaitu masing-masing stesen Sibul (IPU 190), Sarikei (IPU 185), Miri (IPU 160), ILP Miri (IPU 144), SK Kuala Baram 2 (IPU 121) dan Mukah (IPU

116).

Empat lagi stesen di Sarawak mencatatkan IPU sederhana iaitu Bintulu (IPU 94), Limbang (IPU 82), Kapit (IPU 78) dan Samalaju (IPU 77).

Semua tujuh stesen di Sabah mencatatkan bacaan IPU sederhana iaitu Labuan (IPU 82), Kimanis (IPU 72), Keningau (IPU 67), Kota Kinabalu (IPU 72), Politeknik Kota Kinabalu (IPU 80), Sandakan (IPU 58) dan Tawau (IPU 55).

Sementara itu di Semenanjung Malaysia, hanya stesen Johan Setia, Selangor yang mencatatkan bacaan IPU tidak sihat iaitu IPU 129 manakala stesen lain mencatatkan IPU sederhana.

Untuk rekod, bacaan IPU antara 0 hingga 50 adalah dikategorikan paras baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) manakala 300 ke atas berbahaya.

Maklumat cuaca terkini turut dipaparkan menerusi laman web MetMalaysia atau aplikasi myCuaca dan media sosial MetMalaysia.

Putrajaya: Bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) yang direkodkan sehingga 12 tengah hari semalam menunjukkan tiada stesen mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, 58 stesen pada status kualiti udara tahap sederhana, manakala lapan stesen pada tahap tidak sihat.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam satu kenyataan berkata, lapan stesen itu adalah tujuh di Sarawak iaitu Samarahan (IPU 200), Sibul (185), Mukah (177), Miri (155), ILP Miri (142), Kuala Baram (116) dan Bintulu (110), manakala satu stesen di Selangor iaitu Johan Setia dengan bacaan IPU 124.

Menurutnya, dua stesen mencatatkan bacaan IPU pada tahap sangat tidak sihat di Sarawak iaitu Sri Aman (238) dan Kuching (223).

"Kebakaran hutan yang

Tiada stesen catat kualiti udara baik

berlaku di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia, masih menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia dan bahagian barat Sarawak.

"Kebakaran belukar bagi tujuan pertanian di Jalan 9, Johan Setia, Klang memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di stesen Johan Setia, Klang dan jerebu setempat di Bandar Putera 2, Klang," katanya.

Menurut JAS, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sedang memadamkan kebakaran itu, manakala JAS Selangor sedang berusaha mencari

pemilik tanah untuk tindakan penguatkuasaan.

Katanya, tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian, turut dipertingkatkan ke kawasan berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.

Menurutnya, berdasarkan laporan ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura kelmarin, imej satelit National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20 menunjukkan 116 titik panas dikesan di Sumatera, Indonesia.

"Sementara itu, 646 titik panas dikesan di Kalimantan, Indonesia, satu titik panas di Brunei dan 52 titik panas di dalam negara iaitu di Sarawak (40) dan enam titik panas di Sabah dan Johor," katanya. - Bernama

FAKTA
Sebanyak 646 titik panas dikesan di Kalimantan, Indonesia

ACARA YANG DIBATALKAN

■ **Larian 4km dan 12km sempena program Stop The Stigma anjuran Hospital Umum Sarawak (HUS)**

■ **Kayuhan Berbasikal Maal Hijrah 2019 anjuran Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)**

Kuching

Beberapa acara luar bandar dibatalkan

Beberapa acara luar di bandar raya ini terpaksa dibatalkan berikutan kualiti udara semakin merosot, semalam.

Antara acara itu ialah larian 4 kilometer (km) dan 12km sempena program Stop The Stigma anjuran Hospital Umum Sarawak (HUS) yang sepatutnya diadakan di Kompleks Dewan Undangan Negeri (DUN) Lama bermula jam 6.15 pagi.

Turut dibatalkan ialah Kayuhan Berbasikal Maal Hijrah 2019 anjuran Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU).

Sementara itu, pekerja yang terlibat dalam persiapan lokasi sambutan Hari Malaysia di Padang Merdeka, di sini, memakai topeng mulut berikutan kualiti udara masih berada di tahap sangat tidak sihat.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak, Mejar (PA) Ismail Mahedin berkata, langkah itu perlu bagi mengelak kesihatan mereka terjejas akibat udara tercemar.

Sehingga jam 2 petang, Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Sri Aman terus meningkat dan mencapai tahap 241.

Kualiti udara di Kuching masih berada di tahap sangat tidak sihat iaitu 223 manakala Samarahan semakin pulih, namun berada pada tahap tidak sihat dengan IPU menurun kepada 199.

Bagaimanapun, Stesen Pengawasan Udara Automatik lain menunjukkan peningkatan iaitu Sarikei 181, Sibul (189), Mukah (114), Institut Latihan Perindustrian Miri (143), Sekolah Kebangsaan Kuala Baram 2 (118) dan Miri (157).

